

29/05/1998

Strategi negara hadapi kegawatan diteladani

DALAM menghadapi kegawatan ekonomi, negara yang terjejas teruk mencari pelbagai formula untuk membebaskan diri daripada tekanan yang berterusan. Pelbagai strategi jangka panjang dan pendek dilaksanakan. Negara berkenaan menggunakan pelbagai sumber dan pendekatan untuk meredakan keadaan, berasaskan kepada sumber dan kepentingan sesebuah negara. Sebarang tindakan negara berkenaan pula diperhatikan oleh negara yang belum menghadapi kegawatan. Mereka melihat dari segala sudut kejayaan atau kegagalan sesuatu program dan dasar yang dilaksanakan. Mereka berbuat demikian kerana bimbang kemungkinan masalah yang sama akan berlaku di negara mereka. Jika strategi di sesebuah negara berkenaan gagal memulihkan keadaan ekonominya, ia dijadikan pengajaran berguna supaya tidak mencontohi tindakan yang sama. Mereka hanya akan melihat keberkesanan sesuatu tindakan. Apabila kegawatan menyerang negara mereka kelak, pendekatan yang sama boleh digunakan dengan membuat perubahan perlu, mengikut keadaan dan kesesuaian di negara mereka.

Ketika Mexico menghadapi kegawatan ekonomi beberapa tahun lalu, banyak negara tidak mengambil berat terhadap langkah bertindak negara itu kerana ketika itu ramai yang berpendapat keadaan yang sama tidak boleh menular ke negara mereka. Bagi mereka, apa yang berlaku di Mexico adalah isu terencil dengan alasan ia adalah berpunca daripada kelemahan ekonomi negara berkenaan. Sebaliknya, apabila masalah yang sama mula menular ke beberapa negara lain, terutamanya di Asia Timur, masing-masing negara mulai bimbang dan mula melakukan langkah awal sebelum menerima kesan yang dihadapi negara berkenaan.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyarankan agar negara membangun yang sudah menemui formula tepat bagi mencapai kejayaan ekonomi, tidak menyembunyikan formula berkenaan semata-mata untuk kepentingan diri. Kita percaya, apa yang cuba disarankan oleh Dr Mahathir adalah tindakan serampang dua mata. Ini kerana apabila sesebuah negara sudah berjaya dalam kemajuan ekonominya, mereka tidak seharusnya leka bahawa tekanan baru akan wujud. Oleh itu, di samping mencari formula untuk memajukan ekonomi negara masing-masing, mereka juga perlu melihat masalah yang mungkin dihadapi.

Ketika negara mereka miskin, tidak ada pihak luar yang berminat menjalankan kuasa manipulasi kerana logiknya tidak banyak habuan yang boleh diperolehi di negara yang miskin. Sebaliknya, apabila sesebuah negara sudah menjadi kaya, kuasa ini akan memberi perhatian yang lebih besar. Keadaan seperti ini berlaku di Malaysia. Sebelum kita muncul sebagai kuasa ekonomi, tidak banyak spekulator memainkan jarum mereka. Tetapi, selepas didapati negara ini sebagai lubuk mengumpul harta, mereka melakukan sesuatu, walaupun kesan tindakan itu boleh menyebabkan negara ini kembali kepada keadaannya 15 atau 20 tahun lalu. Bagi golongan ini, dalam keghairahan mencari keuntungan, soal moral tidak penting. Mereka akan menjadikan kuasa pasaran sebagai alat untuk mencari alasan. Kita berpendapat untuk mengurus ekonomi, sesebuah negara perlu mempelajari kesan daripada kemajuan - ketika makmur dan ketika menghadapi masalah. Dengan cara ini, kita sudah bersedia menghadapi apa juga bentuk kesan globalisasi dan dalam apa keadaan sekalipun.

Kita perlu akui ketika Malaysia mula menempatkan dirinya sebagai kuasa ekonomi baru di rantau ini, kita banyak belajar daripada formula asing, sekurang-kurangnya kita mencontohi kemajuan di Jepun. Dengan mengamalkan

amalan kerja yang baik, kita mengatur langkah meningkatkan sektor perindustrian sehingga ada yang berpendapat kita mengabaikan sektor pertanian. Kita bernasib baik kerana meskipun tumpuan diberikan kepada sektor pembuatan, kerajaan tidak mengabaikan sektor pertanian. Seandainya sektor pertanian diabaikan, keadaan yang kita alami hari ini, mungkin bertambah parah. Sekurang-kurangnya negara asing boleh belajar daripada tindakan negara ini dengan meningkatkan sektor perindustrian dan pada masa yang sama memberi penegasan kepada sektor pertanian.

Ini bermakna kita tidak berkongsi pengalaman baik semata-mata tanpa memikirkan kemungkinan sesuatu yang buruk akan berlaku. Hari ini, Malaysia sekali lagi menjadi tumpuan negara asing untuk mengetahui strategi yang diambil untuk menangani kegawatan ekonomi. Daripada perbincangan Dr Mahathir dengan pemimpin negara membangun, kita yakin mereka sudah banyak belajar daripada pengalaman Malaysia sama ada langkah untuk memajukan negara dan cara menangani masalah.

(END)